# UMS anjur kejohanan bola sepak 9 sebelah 26-27 Nov

DE 16-11-16 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan kejohanan bola sepak 9 sebelah pada 26-27 November.

Kejohanan itu, yang diadakan sempena konvokesyen UMS, terbuka kepada semua pasukan di Sabah.

Ia akan berdasarkan sistem kalah mati dalam 'Winners Pool' dan 'Loosers Pool' selain hanya terhad kepada 32 pasukan.

Menurut Pengarah Pusat Sukan UMS Asyraaf Abdullah, acara itu yang ditaja oleh Carino Products merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh UMS untuk interaksi dan publisiti.

Tarikh tutup adalah pada 24 November 24 dan sebarang pertanyaan hubungi Azman Soaibah di 0168207479, Ramlan Rashid di 0148926342 dan Syariah Asilah di 0109406713 atau Pusat Sukan UMS.